

PERINGATAN DAN MAKLUMAN TAMBAHAN

PERINGATAN

Dokumen Perjalanan Terhad Dan Pas Pelajar

Bagi pelajar daripada Sabah dan Semenanjung Malaysia kemasukan tuan/puan ke Sarawak memerlukan Dokumen Perjalanan Terhad yang boleh diuruskan di pejabat Imigresen di tempat masing-masing. Pastikan tuan/puan menguruskannya dengan segera sebelum datang melapor diri. Tuan/puan perlu memohon Pas Pelajar sepanjang pengajian tuan/puan di Institut. Pas Pelajar hanya akan dikeluarkan oleh pihak Imegresen Kuching sejajar dengan peraturan-peraturan Imigresen 1963 bagi Negeri Sarawak.

MAKLUMAN TAMBAHAN

Laporan Pemeriksaan Kesihatan Borang Am 402

Sila serahkan laporan pemeriksaan tersebut secara lengkap kesemua mukasurat dan bukannya keratan cerai mukasurat 7. Jika puan telah berkahwin, sila buat "Urine Test" bagi pengesahan mengandungi atau tidak mengandungi.

Borang Perjanjian Pendidikan Guru (BPPG) Dan Butiran Penjamin Dan Saksi (BPS)

- a) Bekalan Borang Perjanjian Pendidikan (BPPG) Dan Butiran Penjamin dan Saksi (BPS) adalah terhad, maka tuan/puan perlu membaca panduan ringkas yang disertakan dengan teliti sebelum mengisi borang berkenaan. Borang Perjanjian Pendidikan Guru dan Butiran Penjamin dan Saksi hendaklah ditulis hanya dengan pen dakwat hitam atau ditaip sepenuhnya dalam huruf besar serta huruf cerai. Jika terdapat kesilapan jangan guna cecair pemadam, sebaliknya buat satu garisan dan turunkan tandatangan ringkas pelajar, penjamin I dan II pada setiap pembetulan dibuat.
- b) ***Tandatangan kedua-dua Penjamin atau tandatangan Saksi***
Sekiranya kedua-dua penjamin atau saksi tidak boleh menandatangani dalam TULISAN RUMI, mereka dibenarkan menurunkan cap jari. Tandatangan dalam tulisan Cina dan Jawi adalah tidak dibenarkan dalam maksud pengisian perjanjian ini.
- c) ***Tandatangan Ringkas Pelajar dan kedua-dua Penjamin serta salinan Kad Pengenalan kedua-dua penjamin***
Pelajar serta kedua-dua penjamin hendaklah menurunkan tandatangan ringkas di sudut kanan bil. 7 (H) pada kelima-lima mukasurat Perjanjian Pendidikan Guru, dan mengemukakan 5 salinan fotostat Kad Pengenalan kedua-dua Penjamin yang telah disahkan sebagai salah satu dokumen sokongan Perjanjian Pendidikan Guru.
- d) **Tanggungjawab Pelajar Dan Penjamin-Penjamin**
Anda dan penjamin-penjamin anda hendaklah membaca dengan teliti Buku Panduan Tawaran dan Panduan Mengisi Borang Perjanjian serta memahami kandungan perjanjian sebelum menandatangani.

PENGINAPAN SEMENTARA

Pihak institut turut menyediakan kemudahan penginapan sekiranya tuan/puan datang sehari lebih awal. Walau bagaimanapun tuan/puan hanya akan didaftarkan sebagai penghuni Asrama pada hari pendaftaran sebenar iaitu 18 Januari 2009. Tuan/puan dikehendaki mematuhi semua arahan/peraturan penginapan yang dikeluarkan oleh Institut. Tuan/puan bolehlah berhubung terus dengan Penyelia Asrama Kanan Puan Madiah binti Bol, Puan Rosita Binti Roslan dan Encik Yusop Bin Drahman di pejabat Penyelia Asrama nombor di talian 082 243280 untuk sebarang pertanyaan.

MAKLUMAN AM

KEGAGALAN ANDA MELENGKAPKAN BORANG DAN MENYERAHKAN SEMUA SIJIL-SIJIL, DOKUMEN DENGAN BETUL DAN SEMPURNA AKAN MENJEJASKAN KELEWATAN PEMBAYARAN ELAUN

Dikeluarkan Oleh
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang